# DOKUMENTASI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA KALI KE 34 TAHUN 2023



| PERKARA |
|---|
| **1. Notis Mesyuarat Agung Tahunan PSA Ke-34** |
| **2. Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-33** |
| **3. Laporan Tahunan PSA** |
| ➢ Pengenalan |
| ➢ Objektif |
| ➢ Carta Organisasi 2022/2023 |
| ➢ Ahli Majlis 2022/2023 |
| ➢ Jawatankuasa Kecil Biro/Zon |
| ➢ Juruaudit |
| ➢ Bank Utama PSA |
| ➢ Pejabat Berdaftar PSA |
| ➢ Mesyuarat Ahli Majlis 2022/2023 |
| ➢ Laporan Keahlian 2022/2023 |
| ➢ Laporan Aktiviti 2022 |
| ➢ Laporan Kewangan PSA Tahun 2022 |
| **4. Laporan Tabung Pelajaran PSA** |
| **5. Senarai Calon Ahli Majlis Baharu** |

**PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA**
***(The Association of Public Sector Accountants, Malaysia)***
**Didaftarkan di bawah Akta PertubuhanNo.**
**Pendaftaran 2678 (SEL) 09.04.1980**

## NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

**Notis diberi menurut Fasal 7(4) Perlembagaan PSA, bahawa PSA akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Ketiga Puluh Empat pada hari Rabu, 27 September 2023 jam 2.30 petang yang dijadualkan di Dewan Serbaguna Aras 7 JANM dan secara atas talian.**

---

## AGENDA

1. Perasmian mesyuarat;

2. Ucapan Presiden;

3. Untuk menimbang dan menerima minit Mesyuarat Agung Tahunan Ketiga Puluh Tiga yang telah diadakan pada 6 Oktober 2022;

4. Untuk menerima laporan tahunan;

5. Untuk menerima penyata kewangan PSA bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 serta laporan juruaudit berkenaan dengannya;

6. Untuk memilih tiga (3) anggota Majlis PSA dan dua (2) Juruaudit berikutnya menurut peruntukan Fasal 7(3)(c), Perlembagaan PSA. Ahli Majlis yang berikut akan bersara wajib dan meletak jawatan mengikut peruntukan Fasal 8(6), Perlembagaan PSA:
   i. Encik Nasran bin Omar C.A (M)
   ii. Encik Ayub bin Zaidin C.A. (M)
   iii. Encik Naharudin bin Saadan C.A. (M)

7. Untuk menerima dan membahas usul / pindaan perlembagaan (jika ada)

8. Urusan-urusan lain

**Dengan perintah Majlis**

***"Integrity . Trustworthy . Sustainability"***

**MOHD AZIZI BIN MOHD ASPAR C.A(M), CPA (AUST)**
**Setiausaha Kehormat**
**26 Ogos 2023**

PSA MALAYSIA

**PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PSA)**
***(The Association of Public Sector Accountants, Malaysia)***
**Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan**
**No. Pendaftaran PPM-008-14-09041980**

**MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-33 TAHUN 2022**
**PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PSA)**

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | **:** | **6 Oktober 2022** |
| **Masa** | **:** | **10.00 pagi** |
| **Tempat** | **:** | **Dewan Serbaguna, Aras 7**<br>**Jabatan Akauntan Negara Malaysia** |
| **Kehadiran** | **:** | **521 orang (Lampiran)** |

## 1. UCAPAN ALUAN PRESIDEN PSA

1.1 Presiden PSA, Tn. Hj. Nasran bin Omar selaku Pengerusi mesyuarat mengalu-alukan dan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli PSA yang hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Kali Ke-33 sama ada secara bersemuka mahupun dalam talian.

1.2 Tuan Pengerusi memaklumkan ini adalah kali pertama mesyuarat ini diadakan secara hybrid untuk memberi peluang kepada ahli – ahli PSA yang berada di luar lembah Klang.

1.3 Tuan Pengerusi seterusnya memaklumkan bahawa pada mesyuarat hari ini ahli mesyuarat akan memilih tiga (3) Ahli Majlis PSA yang baharu bagi menggantikan Ahli Majlis yang bersara dan dua (2) orang Juruaudit. Sehubungan itu, Tuan Pengerusi berharap ahli mesyuarat mengambil kira aspek pengalaman, kompetensi serta calon yang difikirkan dapat memberi tumpuan untuk menggerakkan PSA sebagai sebuah persatuan yang menaungi akauntan sektor awam keseluruhannya.

## 2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (AGM) KE-33

Mesyuarat mengambil maklum terdapat pindaan pada minit tersebut seperti yang dimaklumkan oleh Encik Syamsuddi Mohamed Shamsudin (No ahli:439) seperti berikut:

| BIL | PINDAAN |
|---|---|
| 1. | Perenggan 7.2.9<br>ahli ~~Institut Akauntan Malaysia (*Malaysian Institute of Accountants* – MIA)~~ CIPFA |
| 2. | Perenggan 7.2.9<br>Memorandum persefahaman yang dilaksanakan di antara ~~piahk~~ pihak CIPFA dan MIA. |
| 3. | Senarai nama kehadiran : Encik Syamsuddi Mohamed Shamsudin – Hadir |

Minit Mesyuarat Agung Tahunan PSA Ke-32 telah dicadang untuk disahkan oleh Puan Fatihah Ishak dari Kementerian Pendidikan Malaysia dan disokong oleh Puan Noraida Alias dari Lembaga Peperiksaan Malaysia dengan pindaan.

## 3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

i. Mencadangkan kepada JANM supaya Chartered Institute of Public Finance and Accountancy (CIPFA) diiktiraf sebagai badan profesional seperti ACCA, CIMA dalam Akta Akauntan yg baru.

**Maklum balas:**
PSA telah membawa usul tersebut ke dalam resolusi yang telah dihantar ke Timbalan Menteri Kewangan 1 bersekali dengan laporan program NAPSAC tahun 2022.

ii. Berikan penyata yuran tahunan/setengah tahun kepada ahli utk rujukan baki yuran belum bayar.

**Maklum balas**:
Telah selesai. Boleh dijana melalui portal PSA, jika terdapat ketidaktepatan data boleh berhubung dengan Biro Keahlian.

iii. Dicadangkan untuk wujudkan baju korporat bagi Akauntan sektor awam.

**Maklum balas**:
Mesyuarat dimaklumkan mengenai pembentangan design baju korporat tersebut yang berharga RM80.00 sepasang. Namun, PSA telah memutuskan bagi ahli PSA

yang tiada tunggakan hutang, diskaun sebanyak RM30.00 akan diberikan kepada pembeli. Penjualan baju korporat tersebut akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

iv. Mencadangkan PSA Malaysia dengan kerjasama jabatan/agensi lain yang berkaitan mengadakan kursus/program/bengkel penyediaan akaun untuk masjid/surau/institusi keagamaan yang lain kepada graduan lepasan perakaunan yang berminat untuk menjadi akauntan untuk masjid/surau/institusi keagamaan yang lain. Langkah ini dapat menjadi serampang dua mata, iaitu mengurangkan pengangguran di kalangan graduan lepasan perakaunan serta memastikan profesion akauntan terus mapan di Malaysia walaupun dalam pandemik Covid-19.

**Maklum balas**:
PSA mengambil maklum dan akan memasukkan program tersebut dalam perancangan aktiviti tahun 2023.

v. Secara amalan PSA akan menyanyikan lagu Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dalam acara rasmi PSA. Sehubungan itu, saya mencadangkan PSA untuk membuat lagu persatuan sebagai lagu rasmi di acara yang dianjurkan oleh PSA memandangkan komposisi ahli yang tidak hanya dalam lingkungan warga JANM.

**Maklum balas**:
PSA berpandangan bahawa tidak perlu lagu PSA kerana telah mencukupi dengan lagu JANM mewakili akauntan sektor awam.

## 4. PEMBENTANGAN LAPORAN TAHUNAN PSA BAGI TAHUN 2021/2022

Mesyuarat mengambil maklum laporan tahunan telah diedarkan kepada semua ahli secara *softcopy.* Mesyuarat seterusnya mengambil maklum berhubung pembentangan Laporan Tahunan PSA bagi Tahun 2021/2022 oleh Setiausaha Kehormat PSA seperti berikut:

### 4.1 Laporan Mesyuarat Ahli Majlis

i. Fasal 8(9), Perlembagaan PSA memperuntukkan Ahli Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali dalam setahun.

ii. Mesyuarat mengambil maklum, bagi tempoh 01 Julai 2021 hingga 31 September 2022, sebanyak tujuh (7) Mesyuarat Ahli Majlis telah diadakan iaitu pada tarikh-tarikh seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| **Mesyuarat Bilangan 5/2021** | **-** | **28 September 2021** |
| **Mesyuarat Bilangan 6/2021** | **-** | **4 - 6 Disember 2021** |
| **Mesyuarat Bilangan 1/2022** | **-** | **6 April 2022** |
| **Mesyuarat Bilangan 2/2022** | **-** | **16 Jun 2022** |
| **Mesyuarat Bilangan 3/2022** | **-** | **8 Ogos 2022** |
| **Mesyuarat Bilangan 4/2022** | **-** | **25 - 27 Ogos 2022** |
| **Mesyuarat Bilangan 5/2022** | **-** | **28 September 2022** |

iii. Setiausaha maklumkan, selain mesyuarat Majlis di atas, PSA turut menubuhkan Jawatankuasa mengikut keperluan aktiviti dan mesyuarat yang berasingan dilaksanakan.

### 4.2 Laporan Keahlian PSA

i. Mesyuarat mengambil maklum sehingga 31 Ogos 2022, keahlian PSA yang aktif adalah seramai 1,124 orang.

ii. Mesyuarat mengambil maklum komposisi keahlian seperti berikut:

| AGENSI | 2019/ 2020 | 2020/2021 | 2021/2022 |
|---|---|---|---|
| *Ibu Pejabat JANM* | 219 | 232 | 282 |
| *JANM Negeri/Cawangan* | 94 | 102 | 182 |
| *Kementerian* | 491 | 479 | 470 |
| *Bendahari Negeri* | 28 | 26 | 16 |
| *Badan Berkanun Persekutuan* | 82 | 90 | 84 |
| *Badan Berkanun Negeri* | 15 | 32 | 41 |
| *Pihak Berkuasa Tempatan* | 13 | 19 | 26 |
| *SUK Negeri* | - | - | 15 |
| *Universiti Awam* | - | - | 2 |
| *Jumlah* | 942 | 980 | 1,124 |

### 4.3 Laporan Aktiviti-aktiviti PSA

i. Aktiviti-aktiviti yang telah dianjurkan oleh PSA bagi sesi 2021/2022 adalah seperti berikut:

| BIL | PERIHAL AKTIVITI | TARIKH | BIRO/ZON |
|---|---|---|---|
| 1 | *Management & Leadership Webinars: How To Be An Effective Leader In A Crisis* | 6 Julai 2021 | Biro Profesional |
| 2 | Webinar Kesedaran Kanser ''Merungkai Mitos Kanser'' | 20 Ogos 2021 | Zon Sabah |
| 3 | Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) PSA Ke – 32 | 13 September 2021 | Setiausaha Kehormat |
| 4 | MPSAS *Insights* 2021 *'Unveiled Intangible Assets'* | 4 & 5 Oktober 2021 | Biro Profesional |
| 5 | Sesi *Knowledge Sharing* Ahli PSA Zon Sabah | Setiap 2 Bulan | Zon Sabah |
| 6 | Penyerahan cenderamata PSA kepada Mantan Timbalan Akauntan Negara Korporat di Majlis Persaraan JANM Tahun 2020/2021 | 19 November 2021 | Setiausaha Kehormat |
| 7 | Program *Hiking* Dan CSR Di Pulau Berhala Sandakan, Sabah | 27 November 2021 | Zon Sabah |
| 8 | Program Persahabatan Bowling Di Champ's Bowl, Sandakan, Sabah | 27 November 2021 | Zon Sabah |
| 9 | *Retreat* Majlis PSA Tahun 2021 | 4 hingga 6 Disember 2021 | Setiausaha Kehormat |
| 10 | Pertandingan Bowling PSA Zon Sabah Dan Labuan | 10 Disember 2021 | Zon Sabah |
| 11 | Pertandingan Kayuhan dan Larian Ceria PSA 2021 | 1 November hingga 28 Disember 2021 | Biro Kebajikan & Sosial |
| 12 | Program Ceramah Perancangan Cukai 2021 (Bertindak Sebelum Terlambat) | 16 Disember 2021 | Zon Tengah |
| 13 | Program Retreat Minda PSA Sabah/Labuan | 12 hingga 13 Februari 2022 | Zon Sabah |
| 14 | Bengkel Keterampilan Diri Dan Personaliti | 7 Februari 2022 | Zon Utara |
| 15 | Kunjungan hormat PSA Bagi Pelantikan Timbalan Ketua AKauntan Negara (Korporat) | 5 Mac 2022 | Setiausaha Kehormat |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 16 | Misi Pendakian Gunung Kinabalu 2022 | 19 hingga 21 Mac 2022 | Biro Kebajikan & Sosial |
| 17 | Persidangan Akauntan Sektor Awam Kebangsaan *(National Public Sector Accountants Conference* - NAPSAC) Kali Ke-30 | 18 hingga 19 Mei 2022 | Biro Profesional |
| 18 | Program CSR di SMK Kapit No 2 | 27 Jun 2022 | Zon Sarawak |
| 19 | Penyerahan cenderamata PSA kepada Akauntan Negara Malaysia & Timbalan Akauntan Negara (Operasi) di Majlis Persaraan JANM Tahun 2022 | 30 Jun 2022 | Setiausaha Kehormat |
| 20 | CIPFA *Public Finance Live* 2022 | 13 hingga 14 Julai 2022 | Biro Profesional |
| 21 | Aktiviti Bowling PSA Zon Sabah Bagi Tahun 2022 | 24 Julai 2022 | Zon Sabah |
| 22 | Program Penyelarasan Program PSA Zon Sarawak | 13 hingga 14 Ogos 2022 | Zon Sarawak |
| 23 | Sesi Santai Sembang Teh Tarik PSA Zon Timur (Negeri Pahang) | 26 Ogos 2022 | Zon Pahang |
| 24 | *Retreat* Majlis PSA Tahun 2022 | 25 hingga 27 Ogos 2022 | Setiausaha Kehormat |
| 25 | Program Lawatan Mantan ANM | Berkala | Biro Kebajikan & Sosial |
| 26 | Pertandingan Bowling PSA Zon Timur (Negeri Pahang) | 24 September 2022 | Zon Timur |
| 27 | Kursus Asas Perakaunan “Jom Sedia Penyata Kewangan” | 29 September 2022 | Zon Tengah |
| 28 | Kejohanan Tertutup Bowling PSA Tahun 2022 | 1 Oktober 2022 | Biro Kebajikan & Sosial |

***ii. Management & Leadership Webinars: How To Be An Effective Leader In A Crisis***

Ketika negara berhadapan dengan pandemik Covid-19, PSA telah mengambil peranan untuk memastikan semua ahlinya dapat menyediakan diri untuk menjadi seorang pemimpin yang berkesan dalam mengharungi kesukaran, cabaran dan perubahan semasa krisis melalui kesedaran dan kecerdasan emosi. Pada 6 Julai 2021, PSA telah menganjurkan satu siri *Management & Leadership Webinars: How To Be An Effective Leader In A Crisis* dengan kerjasama CIMA Malaysia. Perkongsian mengenai tajuk ini telah disampaikan oleh Cik Shadaitul Intan Mohd Zin, Pengarah Urusan *Profound Learning Solution* Sdn Bhd dan juga penceramah jemputan Encik Dinesh Weerakkody, Pengerusi *International Chamber of Commerce in Sri Lanka*. Seramai 120 peserta di serata Malaysia telah menghadiri *webinar* ini sebagai satu bentuk norma baharu dalam menimba pengetahuan yang bermanfaat.

**iii. WEBINAR KESEDARAN KANSER**

Sesi Webinar Kesedaran Kanser dengan kerjasama Majlis Kanser Nasional (MAKNA) dan Kelab Sukan dan Kebajikan (KKDS) JANM Negeri Sabah telah diadakan pada 20 Ogos 2021 (Jumaat) pada pukul 2.30 petang dengan tajuk ‘’Merungkai Mitos Kanser’’ secara online. Kehadiran adalah melibatkan ahli PSA dan warga JANM Negeri dan Cawangan. Sebanyak RM300.00 telah disumbangkan ke tambung MAKNA dari pihak PSA Zon Sabah.

***iv. MPSAS INSIGHTS 2021 ‘UNVEILED INTANGIBLE ASSETS’***

PSA telah menempa sejarah apabila menganjurkan seminar MPSAS *Insights* 2021 pada 4 hingga 5 Oktober 2021 secara maya selari dengan pengamalan norma baharu mengikut perkembangan semasa dengan penyertaan 412 peserta. Seminar ini merupakan kesinambungan dari seminar MPSAS yang telah diadakan buat pertama kalinya pada tahun 2019. Pada penganjuran siri kali ini, penganjur telah memilih tema “*Unveiled Intangible Assets”* dengan 5 tajuk perbincangan melibatkan 9 panel dari pelbagai organisasi sebagai pengisian dalam seminar ini yang memfokuskan terhadap adaptasi MPSAS dalam konteks Aset Tak Ketara (*intangible assets*). Ini mengambil kira kepentingan Aset Tak Ketara yang merupakan pemacu pertumbuhan dalam ekonomi moden dan ia boleh dimanfaatkan untuk mencapai sasaran strategik Kerajaan. Pengisian program dua hari ini telah berjaya disampaikan secara atas talian menggunakan platform *Airmeet*. Pelbagai isu berkaitan pengurusan Aset Tak Ketara telah dibincangkan dengan produktif melalui perkongsian pengalaman dan cabaran entiti diperingkat Kerajaan

Pesekutuan, Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun. Seminar ini menjadi platform untuk mengenalpasti ruang penambahbaikan dalam pelaksanaan perakaunan akruan di sektor awam di Malaysia.

### v. SESI *KNOWLEDGE SHARING* AHLI PSA ZON SABAH

Sesi *Knowledge Sharing* ahli PSA Zon Sabah dan Labuan telah diadakan sepanjang tahun 2021 secara *online platform*. Sesi berkenaan diadakan untuk berkongsi ilmu berkaitan dengan topik perakaunan dan bukan perakaunan dengan ahli PSA Zon Sabah dan Labuan yang lain serta pegawai di bawah JANM Negeri Sabah dan Cawangan. Berikut merupakan penceramah dan tajuk yang dibentangkan dalam sesi *Knowledge Sharing* berkenaan:

| BIL | PENCERAMAH | TAJUK |
|---|---|---|
| 1 | Pn Rosliah Sigoh | *Leadership : Effective Style and Roles* |
| 2 | Pn Suryanie Unchang | Pengurusan Dokumen Kewangan |
| 3 | Pn Suryatie Binti Dewan | Perakaunan Aset bukan Kewangan |
| 4 | Pn Nik Arifah Binti Abdul Ghafar | *Productivity* |
| 5 | Pn Nor Hafizah Naidah Bt Awang Talip | Pengurusan Pembelajaran Perakaunan Sektor Awam |
| 6 | Pn Josephine Sherilyn Joe Liew Apok | *Cash Flow* untuk Wanita |

### vi. Program Hiking Dan CSR Di Pulau Berhala Sandakan

Program Hiking dan Corporate Social Responsibility (CSR) membersihkan Pulau Berhala Sandakan anjuran bersama KESAN JANM Sandakan dan KKDS JANM Negeri Sabah telah diadakan di Pulau Berhala Sandakan pada 27 November 2021 pada pukul 7.00 pagi. Bagi membantu aktiviti pembersihan dan makan minum peserta program berkenaan, pihak PSA Zon Sabah telah menyumbangkan RM150.00.

vii. **Program Persahabatan Bowling Di Champ's Bowl, Sandakan**

Aktiviti program bowling anjuran bersama KESAN JANM Sandakan dan KKDS JANM Negeri Sabah di Champ's Bowl, Sandakan pada pukul 7.00 malam. Program berkenaan adalah untuk menguatkan silaturrahim antara ahli PSA dengan warga JANM Negeri dan JANM Cawangan. Untuk tujuan pembelian cenderahati peserta, pihak PSA Zon Sabah telah menyumbangkan RM150.00.

viii. **Retreat Majlis PSA Tahun 2021**

PSA telah mengadakan retreat untuk Ahli Majlis PSA pada 4 hingga 6 Disember 2021 bertempat di HIG Hotel, Langkawi Kedah bagi membincangkan hala tuju dan perancangan aktiviti PSA pada tahun 2022. Seramai 24 orang Ahli Majlis / wakil telah hadir ke program tersebut.

ix. **Retreat Majlis PSA Tahun 2022**

PSA telah mengadakan retreat Pra AGM untuk Ahli Majlis PSA pada 25 hingga 27 Ogos 2022 bertempat di Redang Beach Resort, Kuala Terengganu bagi membincangkan agenda dan persediaan Mesyuarat Agung Tahunan PSA kali ke-33 yang dijadualkan diadakan pada 6 Oktober 2022.

x. **Kejohanan Tertutup Bowling PSA Tahun 2022**

Kejohanan bowling ini terbuka kepada semua ahli PSA, akauntan dan jawatan yang setaraf di mana ianya diadakan di Ampang Superbowl Bangi pada 1 Oktober 2022. Seramai 80 orang akauntan telah mengambil bahagian dengan pembentukan 19 pasukan. Dengan bayaran pendaftaran serendah RM30 bagi seorang ahli, PSA telah menyediakan Tshirt Kejohanan, *hand towel* & pek *goodies tidbits* kepada setiap peserta. Selain itu, PSA turut menyediakan hadiah berupa wang tunai bagi kategori 3 pasukan dengan markah tertinggi dan 3 orang individu lelaki dan perempuan yang mempunyai markah jatuhan pin terbanyak. Cabutan bertuah dalam bentuk pemberian wang tunai juga turut diberikan sepanjang kejohanan tertutup bowling ini berlangsung.

**xi. Penyerahan Hadiah Cenderamata PSA Tahun 2021/2022**

PSA tidak ketinggalan dalam membuat kunjungan serta menyediakan hadiah cenderamata bagi majlis persaraan dan pelantikan mantan-mantan Pengurusan Tertinggi JANM. Antaranya adalah seperti berikut :

a) Cenderamata persaraan oleh PSA kepada Encik Mohd Redzuan bin Hasan (No.Ahli :247), Mantan Timbalan Akauntan Negara Operasi;
b) Cenderamata persaraan oleh PSA kepada Dato' Zamimi Awang, Mantan Timbalan Akauntan Negara Korporat;
c) Cenderamata persaraan oleh PSA kepada Encik Sadikin bin Aton (No.Ahli :248), Mantan Timbalan Akauntan Negara Korporat; dan
d) Cenderamata kepada Tn Hj Rozaimi bin Idris (No.Ahli :396), di atas pelantikan sebagai Timbalan Akauntan Negara Korporat.

**xii. Pertandingan Bowling PSA Zon Sabah Dan Labuan**

Aktiviti program bowling melibatkan ahli PSA Zon Sabah dan Labuan telah diadakan di CPS Bowl, Centre Point Sabah pada 10 Disember 2021 pukul 7.30 malam. Aktiviti berkenaan merupakan aktiviti penutup bagi PSA Zon Sabah dan Labuan melibatkan kesemua ahli PSA Zon Sabah dan Labuan yang dapat hadir pada hari berkenaan. Pihak PSA Zon Sabah telah menyalurkan RM700.00 untuk pembayaran yuran aktiviti bowling serta pembelian cenderahati bagi peserta program tersebut.

**xiii. Program Larian & Kayuhan Ceria PSA Tahun 2021**

Program ini telah diadakan mulai 1 November sehingga 28 Disember 2021. Program dianjurkan bertujuan untuk melahirkan ahli yang mempunyai tahap kecergasan yang tinggi, membina kesedaran tentang kepentingan aktiviti fizikal terhadap tubuh badan serta kesihatan diri di samping menjadikan aktiviti larian dan berbasikal sebagai gaya hidup yang sihat di kalangan ahli PSA. Seramai 32 orang telah menyertai pertandingan ini. Semua peserta terlibat diberikan goodies berbentuk Kits Program berupa baju jersi, medal, eBib dan juga eSijil. Selain itu, sebanyak 28 baucar eGrab bernilai RM30 setiap satu turut diberikan kepada peserta terawal berjaya menamatkan larian / kayuhan dan juga bagi yang mengambil bahagian dalam penghantaran video tiktok berdurasi 15 saat dengan hashtag #RunRidePSA2021 #PSA di laman sesawang Facebook PSA.

**xiv. Program Ceramah Perancangan Cukai 2021 (Bertindak Sebelum Terlambat)**

PSA Zon Tengah telah menganjurkan Program Ceramah Perancangan Cukai 2021 (Bertindak Sebelum Terlambat) dengan jayanya secara bersemuka pada 16 Disember 2021 bertempat di Dewan Ibnu Sina, Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Selangor. Program ini telah dihadiri seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada pegawai yang membuat taksiran cukai kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, yang berkhidmat di JANM Negeri Selangor, PTJ di Negeri Selangor dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Objektif program ini adalah untuk memperkenalkan jenis-jenis pelepasan cukai pendapatan individu serta syarat-syarat kelayakan dan kadar amaun yang dibenarkan untuk membuat pelepasan cukai bagi membantu para peserta dalam membuat perancangan pengurusan cukai pendapatan individu 2021. Impak daripada program ini adalah para peserta dapat memahami serta memaksimumkan jumlah pelepasan cukai yang layak diterima.

**xv. Ziarah Dan Sumbangan Khairat Kepada Ahli PSA**

Sepanjang tahun 2021, seramai 3 orang ahli PSA telah kembali ke rahmatullah dan program kutipan serta sumbangan khairat telah dijalankan serta disampaikan kepada waris masing-masing. Ahli PSA yang terlibat ialah:

i. Mohd Farid bin Mohd Khalid @ Ayob (meninggal dunia pada 3/4/2021)
ii. Mazlina binti Abdul Mutallib – No ahli :1223 (meninggal dunia pada 18/8/2021)
iii. Zarina binti Yusof - No ahli : 1118 (meninggal dunia pada 12/12/2021)

Selain kunjungan dan penyampaian sumbangan kepada waris, PSA turut membuat hebahan dan ucapan takziah berposter di laman sesawang Facebook dan Instagram PSA.

**xv. Misi Pendakian Gunung Kinabalu 2022**

PSA telah menghantar beberapa 11 orang ahli PSA menyertai program pendakian Gunung Kinabalu yang dianjurkan oleh Kelab Sukan Jabatan Akauntan Negara (KESAN) pada 19 hingga 21 Mac 2022. PSA juga turut memberi sumbangan wang tunai berjumlah RM4000 kepada kelab KESAN bagi membiayai sedikit perbelanjaan dan keperluan peribadi ahli PSA yang menyertai misi ini. Acara kemuncak misi ini ialah apabila ahli-ahli

PSA terlibat membawa dan mengibarkan banner berlogo PSA di puncak Gunung Kinabalu.

**xvi. Bengkel Keterampilan Diri Dan Personaliti**

Bengkel telah dijalankan pada 7 Februari 2022 dan diadakan secara hybrid. Peserta dari Zon Utara diadakan secara bersemuka dan bagi peserta diluar Zon Utara diadakan secara atas talian (airmeet). Bgai bengkel ini ianya melibatkan penceramah daripada BAMOF yang juga merupakan perunding Imej iaitu Puan Dasyarini Saridah Binti Daud.

**xvii. Persidangan Akauntan Sektor Awam Kebangsaan *(National Public Sector Accountants Conference - Napsac)* Kali Ke-30**

Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA) telah menganjurkan Persidangan Akauntan Sektor Awam Kebangsaan kali ke 30 (NAPSAC 2022) pada 18-19 Mei 2022 bertempat di Bangi Avenue Convention Centre (BACC), Selangor. Persidangan yang bertemakan *Digital Accounting: Perspective and Realities* ini telah dirasmikan oleh Yb Dato' Indera Mohd Shahar Bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan 1 serta telah dihadiri oleh lebih 500 orang akauntan di sektor awam. NAPSAC 2022 turut mendapat pengiktirafan Institut Akauntan Malaysia di mana peserta yang hadir diberikan 10 jam CPE *(Continuing Professional Education)* bagi rekod latihan profesional.

**xviii. Program CSR Di Smk Kapit No 2**

PSA Zon Sarawak telah menganjurkan program tersebut pada 27 Jun 2022 dimana program csr tersebut Program CSR tersebut telah disertai oleh seramai 50 orang pelajar daripada Tingkatan 6 Rendah SMK Kapit No.2. objektif program adalah Memperkenalkan kerjaya sebagai Akauntan secara amnya. Memberi pendedahan berhubung dengan peranan dan fungsi Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

**xix. CIPFA Public Finance Live 2022**

PSA sekali lagi melalui Biro Profesional telah menyelaras penyertaan delegasi dari Malaysia bagi CIPFA Annual Conference and Exhibition 2022. Persidangan kali ini turut dikenali sebagai Public Finance Live telah diadakan di International Convention Centre (ICC) Liverpool pada 13 dan 14 Julai 2022 yang lalu. Ia telah berjaya menarik seramai 700 orang peserta yang terdiri daripada ahli ekonomi, pemimpin, perintis teknologi dan pakar pengurusan perubahan seluruh dunia. Daripada jumlah tersebut, PSA menyelaras

seramai 46 orang peserta yang merangkumi 41 orang akauntan, lima (5) orang urusetia yang mewakili pelbagai Kementerian dan agensi. Melalui program ini, PSA menawarkan pakej yang meliputi yuran persidangan, penginapan serta pengangkutan darat kepada para peserta. Disamping itu, PSA turut mengambil peluang membawa peserta melawat tempattempat menarik di sekitar Liverpool, London dan juga Manchester. Di sepanjang tempoh dua hari persidangan, 19 sesi pembentangan, perbincangan dan perbahasan telah dibuat mengenai isu-isu berkaitan peluang dan cabaran dari kesan teknologi ke atas pengurusan prestasi, pengurusan kewangan awam serta pengurusan aset Kerajaan.

**xx. Program Penyelarasan Program PSA Zon Sarawak**

Telah diadakan pada 13 & 14 Ogos 2022 di Hotel Imperial, Kuching, Sarawak. Program PSA ini telah dirasmikan oleh Presiden PSA, Tuan Haji Nasran bin Omar. Ahli PSA yang berdaftar di negeri Sarawak adalah sebanyak 32 orang, namun hanya 26 orang ahli sahaja yang dapat menghadiri program pada kali ini. Semua ahli PSA juga telah bersetuju bahawa sebarang *sharing knowlegde/updates* akan dikongsi di dalam *whatsapp group* yang telah dipersetujui bersama. Objektif program PSA:

i. Meningkatkan motivasi dan kepimpinan di kalangan warga Akauntan
ii. Mengeratkan ukhwah dan bekerja dalam satu kumpulan di samping mempertingkatkan *esprit de corps* dan kefahaman di kalangan Akauntan
iii. Menjadi lebih komited, proaktif, responsif, kreatif dan inovatif dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan
iv. Membina hubungan baik, berinterksi dengan orang lain dan bekerjasama secara efektif untuk mencapai objektif yang sama.

**xx. Sesi Santai Sembang Teh Tarik Psa Zon Timur (Negeri Pahang)**

PSA Zon Timur telah mengadakan Sesi Sembang Teh Tarik bersama Akauntan yang bertugas di Negeri Pahang pada 26 Ogos 2022 bertempat di Mi Casa Café Kuantan dengan tujuan utama untuk mengeratkan ikatan silaturrahim sesama akauntan yang ada. Untuk makluman, sesi ini melibatkan semua akauntan lantikan JANM di Negeri Pahang (WA41-WA54) yang merupakan ahli PSA. Antara aktiviti yang diadakan semasa sesi ini adalah ice breaking semua akauntan yang hadir dengan menceritakan latar belakang masing-masing dan tempat bertugas termasuk pengalaman bekerja. Dalam pada itu, aktiviti bertukar hadiah juga diadakan bagi merapatkan lagi ukhwah sesama akauntan di Negeri Pahang ini. Perbincangan halatuju PSA Zon Timur khususnya untuk Negeri Pahang juga diadakan antaranya termasuklah aktiviti bowling, program transfer of knowledge dan Hari Keluarga. Selain itu, sesi bertukar idea dan pendapat juga diadakan dalam usaha memajukan

akauntan sektor awam selari dengan hajat ANM yang mahukan lebih ramai akauntan bertauliah yang mempunyai professional certificate. Aktiviti yang menggabungkan seluruh akauntan di Zon Timur dari 3 buah negeri iaitu Pahang, Kelantan dan Terengganu juga akan diadakan dalam masa terdekat iaitu mesyuarat secara atas talian bagi membincangan halatuju PSA Zon Timur di masa akan datang.

**xxi. Lawatan Ziarah Kasih PSA : Mantan Akauntan Negara Malaysia**

PSA telah melaksanakan 3 siri lawatan Ziarah Kasih bersama Mantan Akauntan Negara Malaysia melibatkan:

a) YBhg. Datuk Siti Maslamah binti Osman, Mantan ANM (2000-2003) pada 1 Ogos 2022
b) YBhg. Dato Mohd Salleh bin Mahmud, Mantan ANM (2005-2010) pada 10 Ogos 2022
c) YBhg. Dato' Mohamed Adnan bin Ali, Mantan ANM (1994-1999) pada 28 September 2022

Program lawatan ini diadakan bertujuan untuk memberi penghargaan kepada jasa beliau semasa beliau mencurahkan khidmat baktinya kepada perkhidmatan perakaunan. Ziarah kasih juga turut mendapat persetujuan beliau bagi menjadi Ahli Kehormat yang merupakan keahlian khas yang diberikan kepada mantan Pengurusan Tertinggi, JANM.

**xxii. Pertandingan Bowling PSA Zon Timur (Negeri Pahang)**

PSA Zon Timur telah mengadakan pertandingan bowling bersama Akauntan yang bertugas di Negeri Pahang termasuk pasangan masing-masing pada 24 September 2022 (Sabtu) jam 8.30 malam bertempat di Megalanes Bowling, Berjaya Megamall Kuantan dengan tujuan utama untuk mengeratkan ikatan silaturrahim sesama akauntan yang ada termasuk ahli keluarga yang lain. Untuk makluman, sesi ini melibatkan Akauntan lantikan JANM di Negeri Pahang yang merupakan ahli aktif PSA. Aktiviti seperti ini sememangnya memberi impak pada psikologi pegawai yang mana setelah penat bekerja semasa waktu pejabat, kami boleh merehatkan minda. Dalam pada itu,semangat berpasukan juga boleh dipupuk dan perasaan minat pada sukan bowling boleh disemai.

**xxiii. Kursus Asas Perakaunan "Jom Sedia Penyata Kewangan"**

Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (Zon Tengah) telah menganjurkan Kursus Asas Perakaunan "Jom Sedia Penyata Kewangan" bertempat di Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Selangor pada 29 September 2022 (Khamis). Kursus ini melibatkan seramai 30 orang peserta secara bersemuka dan 34 orang peserta secara atas talian.

Peserta kursus ini terdiri dari kalangan ahli PSA dan bukan ahli PSA yang merupakan pegawai dari JANM Negeri Selangor, JANM Negeri Perak, akauntan dari Bendahari Negeri Selangor, Akauntan di PTJ Negeri Selangor dan juga beberapa Ahli Majlis PSA yang turut serta di atas talian. Penganjuran kursus ini adalah sebahagian daripada program CSR dimana akauntan yang mempunyai kepakaran serta pengalaman, memberi sumbangan kepada masyarakat dengan berkongsi ilmu berkaitan bidang perakaunan selari dengan profesion sebagai ahli Persatuan Akauntan Sektor Awam

**xxiv. Aktiviti Biro Komunikasi Psa Malaysia Tahun 2021/2022**

PSA telah meningkatkan usaha dalam mempromosikan PSA kepada Akauntan sektor awam serta menyalurkan maklumat persatuan dengan imej yang lebih mesra, terkini serta professional. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah langganan platform Airmeet, penerbitan poster siaran dan multimedia, Youtube PSA, Facebook PSA serta yang terkini adalah Instagram PSA, langganan Prezi dan Renderforest. Langganan platform Airmeet telah membuka ruang bagi PSA untuk berinteraksi dan melaksanakan aktiviti secara dalam talian dengan lebih efisien dan efektif. Di samping dapat merapatkan jurang ahli-ahli PSA semasa pandemik Covid-19, platform ini juga digunakan untuk berkolaborasi dengan JANM serta persatuan-persatuan yang bernaung di bawah JANM untuk mengadakan persidangan secara maya dengan lebih mantap.

Selain itu, PSA juga telah membantu ahli-ahli PSA dalam penyediaan video, poster dan infografik dengan menggunakan aplikasi Prezi dan Renderforest. Salah satunya adalah penyediaan video latihan SPWTD di Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut, JANM. Kolaborasi ini meningkatkan lagi mutu perkhidmatan serta penyaluran maklumat yang lebih berkesan.

**xxv. MPSAS Insights 2021 ‘Unveiled Intangible Assets’**

PSA telah menempa sejarah apabila menganjurkan seminar MPSAS *Insights* 2021 pada 4 hingga 5 Oktober 2021 secara maya selari dengan pengamalan norma baharu mengikut perkembangan semasa dengan penyertaan 587 peserta. Seminar ini merupakan kesinambungan dari seminar MPSAS yang telah diadakan buat pertama kalinya pada tahun 2019. Pada penganjuran siri kali ini, penganjur telah memilih tema “*Unveiled Intangible Assets”* dengan 5 tajuk perbincangan melibatkan 9 panel dari pelbagai organisasi sebagai pengisian dalam seminar ini yang memfokuskan terhadap adaptasi MPSAS dalam konteks Aset Tak Ketara (*intangible assets*). Pengisian program dua hari ini telah berjaya disampaikan secara atas talian menggunakan platform *Airmeet*.

xxvi. **Kolaborasi Bersama Jabatan Akauntan Negara Malaysia Untuk Penganjuran Hari Bersama Pelanggan JANM 2021**

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah menjalinkan kolaborasi bersama PSA Malaysia dengan julung kalinya melaksanakan Hari Bertemu Pelanggan secara atas talian pada 21 Oktober 2021 dengan menggunakan platform Airmeet. Program ini diadakan bagi membolehkan orang awam membuat sebarang pertanyaan berkenaan Wang Tak Dituntut di bawah Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut.

xxvii. **Kolaborasi Bersama Perbakti Untuk Persidangan PERBAKTI 2021**

PSA Malaysia telah berkolaborasi bersama Persatuan Pembantu Akauntan Sektor Awam (PERBAKTI) dengan membantu melaksanakan penganjuran Persidangan Pembantu Akauntan Kali Ke-9 pada tahun 2021 dengan tema 'Perakaunan Digital Evolusi Negara' secara maya menggunakan platform Airmeet.

xxviii. **Kolaborasi Bersama Jabatan Akauntan Negara Malaysia Untuk Penganjuran Hari Bersama Pelanggan JANM 2022**

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah menjalinkan kolaborasi bersama PSA Malaysia dengan melaksanakan Hari Bertemu Pelanggan secara atas talian sekali lagi pada 25 Januari 2022 dengan menggunakan platform Airmeet. Program ini diadakan bagi membolehkan orang awam membuat sebarang pertanyaan berkenaan Wang Tak Dituntut di bawah Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut.

xxix. **Webinar Keterampilan Diri & Personaliti Secara Hybrid Bersama PSA Zon Utara**

Pada 7 Februari 2022, PSA Zon Utara telah mengadakan webinar Keterampilan Diri & Personaliti dengan speaker jemputan adalah perunding imej iaitu Puan Dash Daud yang juga seorang Akauntan. Webinar tersebut diadakan secara Hybrid buat pertama kalinya yang turut disiarkan secara maya melalui platform Airmeet.

xxx. ***Giveaway Contest* Persidangan Akauntan Sektor Awam Kebangsaan (Napsac) Ke-30**

Persidangan Akauntan Sektor Awam Kebangsaan (NAPSAC) ke-30 telah diadakan pada 18 -19 Mei 2022 di BACC, Bangi yang dirasmikan oleh YB Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan 1. Tema persidangan kali ini adalah '*Digital*

*Accounting: Perspective & Realities'.* Satu pertandingan *Giveaway Contest* telah diadakan bagi mempromosikan NAPSAC 2022 ini.

**xxxi. Kolaborasi Bersama Perpena Untuk Persidangan Perpena 2022**

PSA Malaysia telah berkolaborasi bersama Persatuan Penolong Akauntan Sektor Awam (PERPENA) dengan membantu melaksanakan penganjuran Persidangan Penolong Akauntan Kali Ke-14 pada tahun 2022 pada 23 -24 Mei 2022 dengan tema '*Digitalized Synergy Beyond Boundaries'* secara maya menggunakan platform Airmeet.

**xxxii. Taklimat Kepada Akauntan Yang Baharu Lapor Diri Di Jabatan Akauntan Negara Malaysia**

Biro Komunikasi bertanggungjawab untuk memberi taklimat mengenai PSA Malaysia kepada akauntan-akauntan yang baru melapor diri di Jabatan Akauntan Negara Malaysia semasa sesi induksi pegawai.

5. **PEMBENTANGAN LAPORAN PENYATA KEWANGAN PSA BAGI TAHUN 2021**

5.1 Mesyuarat mengambil maklum mengenai pembentangan Laporan Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 seperti yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan PSA oleh Bendahari Kehormat. Penyata Kewangan ini telah diaudit oleh Puan Nurul' Ain Binti Jasmani dan Encik Mohd Roslan Bin Ismail selaku Juruaudit Dalam yang telah dilantik semasa AGM ke 32 yang lalu.

5.2 Bendahari memaklumkan secara keseluruhnya kedudukan kewangan sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Jumlah Aset | RM 1,898,582.01 |
| Jumlah Liabiliti/ Ekuiti | RM 1,898,582.01 |
| Jumlah Pendapatan | RM 341,076.07 |
| Jumlah Perbelanjaan | RM 189,043.67 |
| Lebihan Prestasi Kewangan | RM 152,032.40 |

5.3 Bendahari Kehormat juga maklumkan pada tahun 2021 terdapat beberapa aktiviti utama yang telah menyumbang kepada lebihan yang tinggi keseluruhannya antaranya Seminar MPSAS Insight 2021.

5.4 Mesyuarat mengambil maklum terdapat simpanan tetap sebanyak 1,650,000.00 yang menyumbang kepada jumlah aset yang tertinggi.

5.5 Mesyuarat dimaklumkan bahawa, Bendahari Kehormat memohon agar ahli PSA mengemaskini maklumat keahlian dengan PSA terutamanya mengemaskini alamat email peribadi dan bukanya email rasmi Jabatan.

5.6 Mesyuarat mengambil maklum mengenai perbandingan pecahan perbelanjaan dan perbelanjaan bagi tahun 2020 dan 2021 adalah seperti berikut:

5.7 Encik Khusairi dari MPIC memohon penjelasan berkenaan dengan lain – lain perbelanjaan dan Bendahari Kehormat memaklumkan bahawa ianya termasuk perbelanjaan operasi seperti pembayaran sewaan portal, pembayaran airmeet dan juga melibatkan makan minum mesyuarat yang tidak signifikan perbelanjaannya.

5.8 Encik Mohd Khairzuan dari MAFI memohon penjelasan mengenai perbelanjaan hapus kira berjumlah RM53 ribu kerana tidak dinyatakan nota kepada hapus kira tersebut dan adakah ianya hanya memerlukan kelulusan Presiden PSA sahaja.

5.9 Datin Arpah memohon penjelasan mengenai perbelanjaan mesyuarat ahli majlis adalah sebanyak RM22 ribu, dan perbelanjaan AGM hanyalah RM5 ribu sahaja. Tn Presiden memaklumkan bahawa perbelanjaan retreat PSA diadakan dua (2) kali dan perbelanjaan AGM hanya melibatkan makan minum dan *goodies* sahaja tanpa perlu bayaran sewaan dewan.

5.10 Datin Arpah mencadangkan laporan aktiviti dan kewangan PSA untuk diterima mesyuarat dan En Khairil menyokong cadangan tersebut diterima ahli mesyuarat.

6. **LAPORAN TABUNG PELAJARAN PSA**

6.1 Pentadbir Tabung Pelajaran PSA yang telah dibuat lanjutan pelantikan oleh Majlis PSA bagi tempoh 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2020 iaitu seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | : | Tn. Hj. Nasran bin Omar |

| | | |
|---|---|---|
| Timbalan Pengerusi | : | Puan Faziyatun bt Mohamed Yahya |
| Bendahari | : | Encik Fazli b Mohamad Khairuddi |
| Setiausaha | : | Puan Noraida bt Alias |

6.2 Bagi tujuan urusan penutupan dan pembubaran Tabung Pelajaran PSA, pelanjutan jawatan berdasarkan tempoh yang diberikan kepada Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari sahaja. Tabung PSA mulai 1 Oktober 1985 telah mendapat pengecualian Sub-Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan kerana menerima sumbangan dan menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan dan kebajikan ahli PSA. Namun demikian pada 15 Mac 2018, pengecualian telah ditarik balik kerana Tabung tidak menjalankan aktiviti termaktub di dalam Undang-undang kecil Tabung.

6.3 Bagi tujuan penutupan akaun Tabung ini, penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 sehingga tahun 2021 telah diserahkan kepada firma audit swasta untuk tujuan pengauditan

## 7. CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN / LAIN-LAIN USUL

### 7.1 USUL TIDAK MELIBATKAN PERLEMBAGAAN

**Usul 1:**
Persidangan PSA 2023 diadakan di Kota Kinabalu, Sabah @ Borneo @ Kelantan

**Maklumbalas:**
NAPSAC dilaksanakan sebanyak dua (2) kali setahun dan mengikut giliran negeri

**Usul 2:**
**Diskaun 50% Terhadap Yuran Tertunggak dan yuran boleh dibayar melalui portal PSA**

**Maklumbalas:**
Yuran adalah tetap RM24 setahun. Ahli – ahli yang menghadapi kekangan untuk menyelesaikan secara keseluruhan dibenarkan untuk membuat bayaran secara ansuran. Boleh disemak melalui portal PSA dan bayaran dibuat secara online ke akaun terimaan PSA

**Usul 3:**
**Nombor ahli PSA dimaklumkan melalui email atau link kepada akauntan baru yang telah mendaftar sebagai ahli.**

**Maklumbalas:**
Telah dilaksanakan.

**Usul 4:**
**Mengadakan Lebih Banyak Aktiviti Selain Daripada Persidangan Supaya Ahli PSA Dapat Suai Kenal Sesama Ahli Dan Juga Menyediakan Platform Untuk Ahli PSA Berkongsi Idea Berkaitan Isu-Isu Perakaunan Dan Juga Isu Semasa**

**Maklumbalas:**
Pelbagai aktiviti sosial telah dilaksanakan diperingkat Biro atau wakil Zon di Negeri seperti Larian Kayuhan Ceria, perjumpaan di peringkat negeri dan sebagainya. Ahli boleh merujuk kepada wakil – wakil zon PSA untuk mengetahui aktiviti di peringkat negeri.

**Usul 5:**
**Wujudkan Medium Seperti Telegram Untuk Ahli Mendapat Makluman Program Semasa.**

**Maklumbalas:**
Telah sedia ada media social seperti Facebook, Instagram dan Portal PSA dan ianya telah memadai.

**Usul 6:**
**Merancang dan membentangkan aktiviti untuk setahun agar kami yang berkhidmat di Kementerian dapat membuat permohonan peruntukan lebih awal bagi mengikuti program/persidangan di dalam atau luar Negara**

**Maklumbalas:**
Mengambil maklum. Berikut adalah aktiviti yang diadakan setiap tahun:
1. WCOA 4 tahun sekali
2. CIPFA diadakan setiap tahun
3. MPSAS INSIGHT sekali setahun
4. NAPSAC sekali 2 tahun
5. SEGAC sekali 2 tahun

**Usul 7:**
**Memohon pertimbangan sekiranya pihak PSA dapat memberi subsidi untuk kami yang berkhidmat di Kementerian bagi mengikuti program/persidangan di dalam atau luar negara**

**<u>Maklumbalas:</u>**
PSA tidak menerima apa apa geran kerana PSA dibiayai oleh yuran ahli PSA setiap tahun. Harga untuk ahli telah diberi.

7.2 **USUL MELIBATKAN PERJAWATAN**

| **BIL.** | **USUL/CADANGAN** | **MAKLUMBALAS PSA** |
|---|---|---|
Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah menjalinkan kolaborasi bersama PSA Malaysia dengan melaksanakan Hari Bertemu Pelanggan secara atas talian sekali lagi pada 25 Januari 2022 dengan menggunakan platform Airmeet. Program ini diadakan bagi membolehkan orang awam membuat sebarang pertanyaan berkenaan Wang Tak Dituntut di bawah Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut.

2. **Webinar Keterampilan Diri & Personaliti Secara Hybrid Bersama PSA Zon Utara**

Pada 7 Februari 2022, PSA Zon Utara telah mengadakan webinar Keterampilan Diri & Personaliti dengan speaker jemputan adalah perunding imej iaitu Puan Dasharini Daud yang juga seorang Akauntan. Webinar tersebut diadakan secara Hybrid buat pertama kalinya yang turut disiarkan secara maya melalui platform Airmeet.

3. **Misi Pendakian Gunung Kinabalu 2022**

PSA telah menghantar beberapa 11 orang ahli PSA menyertai program pendakian Gunung Kinabalu yang dianjurkan oleh Kelab Sukan Jabatan Akauntan Negara (KESAN) pada 19 hingga 21 Mac 2022. PSA juga turut memberi sumbangan wang tunai berjumlah RM4000 kepada kelab KESAN bagi membiayai sedikit perbelanjaan dan keperluan peribadi ahli PSA yang menyertai misi ini. Acara kemuncak misi ini ialah apabila ahli-ahli PSA terlibat membawa dan mengibarkan banner berlogo PSA di puncak Gunung Kinabalu.

4. **Persidangan Akauntan Sektor Awam Kebangsaan *(National Public Sector Accountants Conference - NAPSAC)* Kali Ke-30**

Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA) telah menganjurkan Persidangan Akauntan Sektor Awam Kebangsaan kali ke 30 (NAPSAC 2022) pada 18-19 Mei 2022 bertempat di Bangi Avenue Convention Centre (BACC), Selangor. Persidangan yang bertemakan *Digital Accounting: Perspective and Realities* ini telah dirasmikan oleh Yb Dato' Indera Mohd Shahar Bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan 1 serta telah dihadiri oleh lebih 500 orang akauntan di sektor awam. NAPSAC 2022 turut mendapat pengiktirafan Institut Akauntan Malaysia di mana peserta yang hadir diberikan 10 jam CPE *(Continuing Professional Education)* bagi rekod latihan profesional.

5. **Kolaborasi Bersama Perpena Untuk Persidangan Perpena 2022**

PSA Malaysia telah berkolaborasi bersama Persatuan Penolong Akauntan Sektor Awam (PERPENA) dengan membantu melaksanakan penganjuran Persidangan Penolong Akauntan Kali Ke-14 pada tahun 2022 pada 23 -24 Mei 2022 dengan tema '*Digitalized Synergy Beyond Boundaries'* secara maya menggunakan platform Airmeet.

6. **Program CSR Di SMK Kapit No 2**

PSA Zon Sarawak telah menganjurkan program tersebut pada 27 Jun 2022 dimana program CSR tersebut telah disertai oleh seramai 50 orang pelajar daripada Tingkatan 6 Rendah SMK Kapit No.2. Objektif program adalah memperkenalkan kerjaya sebagai Akauntan secara amnya. Memberi pendedahan berhubung dengan peranan dan fungsi Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

7. **CIPFA Public Finance Live 2022**

PSA telah menyelaras penyertaan delegasi dari Malaysia bagi CIPFA Annual Conference and Exhibition 2022. Persidangan kali ini turut dikenali sebagai Public Finance Live telah diadakan di International Convention Centre (ICC) Liverpool pada 13 dan 14 Julai 2022 yang lalu. Ia telah berjaya menarik seramai 700 orang peserta yang terdiri daripada ahli ekonomi, pemimpin, perintis teknologi dan pakar pengurusan perubahan seluruh dunia. Daripada jumlah tersebut, PSA menyelaras seramai 46 orang peserta yang merangkumi 41 orang akauntan, lima (5) orang urusetia yang mewakili pelbagai Kementerian dan agensi. Melalui program ini, PSA menawarkan pakej yang meliputi yuran persidangan, penginapan serta pengangkutan darat kepada para peserta. Disamping itu, PSA turut mengambil peluang membawa peserta melawat tempat-tempat menarik di sekitar Liverpool, London dan juga Manchester. Di sepanjang tempoh dua hari persidangan, 19 sesi pembentangan, perbincangan dan perbahasan telah dibuat mengenai isu-isu berkaitan peluang dan cabaran dari kesan teknologi ke atas pengurusan prestasi, pengurusan kewangan awam serta pengurusan aset Kerajaan.

8. **Kejohanan Tertutup Bowling PSA Tahun 2022**

Kejohanan bowling ini terbuka kepada semua ahli PSA, akauntan dan jawatan yang setaraf di mana ianya diadakan di Ampang Superbowl Bangi pada 1 Oktober 2022. Seramai 80 orang akauntan telah mengambil bahagian dengan pembentukan 19 pasukan. Dengan bayaran pendaftaran serendah RM30 bagi seorang ahli, PSA telah menyediakan Tshirt Kejohanan, *hand towel* & pek *goodies tidbits* kepada setiap peserta. Selain itu, PSA turut menyediakan hadiah berupa wang tunai bagi kategori 3 pasukan dengan markah tertinggi dan 3 orang individu lelaki dan perempuan yang mempunyai markah

jatuhan pin terbanyak. Cabutan bertuah dalam bentuk pemberian wang tunai juga turut diberikan sepanjang kejohanan tertutup bowling ini berlangsung.

**9. Program Penyelarasan Program PSA Zon Sarawak**

Program penyelarasan program PSA Zon Sarawak telah diadakan pada 13 & 14 Ogos 2022 di Hotel Imperial, Kuching, Sarawak. Program PSA ini telah dirasmikan oleh Presiden PSA, Tuan Haji Nasran bin Omar. Ahli PSA yang berdaftar di negeri Sarawak adalah sebanyak 32 orang, namun hanya 26 orang ahli sahaja yang dapat menghadiri program pada kali ini. Semua ahli PSA juga telah bersetuju bahawa sebarang *sharing knowlegde/updates* akan dikongsi di dalam *whatsapp group* yang telah dipersetujui bersama.

Objektif program:

i. Meningkatkan motivasi dan kepimpinan di kalangan warga Akauntan
ii. Mengeratkan ukhwah dan bekerja dalam satu kumpulan di samping mempertingkatkan *esprit de corps* dan kefahaman di kalangan Akauntan
iii. Menjadi lebih komited, proaktif, responsif, kreatif dan inovatif dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan
iv. Membina hubungan baik, berinterksi dengan orang lain dan bekerjasama secara efektif untuk mencapai objektif yang sama.

**10. Sesi Santai Sembang Teh Tarik PSA Zon Timur**

PSA Zon Timur telah mengadakan Sesi Sembang Teh Tarik bersama Akauntan yang bertugas di Negeri Pahang pada 26 Ogos 2022 bertempat di Mi Casa Café Kuantan dengan tujuan utama untuk mengeratkan ikatan silaturrahim sesama akauntan yang ada. Untuk makluman, sesi ini melibatkan semua akauntan lantikan JANM di Negeri Pahang (WA41-WA54) yang merupakan ahli PSA. Antara aktiviti yang diadakan semasa sesi ini adalah ice breaking semua akauntan yang hadir dengan menceritakan latar belakang masing-masing dan tempat bertugas termasuk pengalaman bekerja. Dalam pada itu, aktiviti bertukar hadiah juga diadakan bagi merapatkan lagi ukhwah sesama akauntan di Negeri Pahang ini. Perbincangan halatuju PSA Zon Timur khususnya untuk Negeri Pahang juga diadakan antaranya termasuklah aktiviti bowling, program transfer of knowledge dan Hari Keluarga. Selain itu, sesi bertukar idea dan pendapat juga diadakan dalam usaha memajukan akauntan sektor awam selari dengan hajat ANM yang mahukan lebih ramai akauntan bertauliah yang mempunyai professional certificate. Aktiviti yang menggabungkan seluruh akauntan di Zon Timur dari 3 buah negeri iaitu Pahang, Kelantan dan Terengganu juga akan diadakan dalam masa terdekat iaitu mesyuarat secara atas talian bagi membincangan halatuju PSA Zon Timur di masa akan datang.

11. **Lawatan Ziarah Kasih PSA : Mantan Akauntan Negara Malaysia**

PSA telah melaksanakan 3 siri lawatan Ziarah Kasih bersama Mantan Akauntan Negara Malaysia melibatkan:

a) YBhg. Datuk Siti Maslamah binti Osman, Mantan ANM (2000-2003) pada 1 Ogos 2022
b) YBhg. Dato Mohd Salleh bin Mahmud, Mantan ANM (2005-2010) pada 10 Ogos 2022
c) YBhg. Dato' Mohamed Adnan bin Ali, Mantan ANM (1994-1999) pada 28 September 2022

Program lawatan ini diadakan bertujuan untuk memberi penghargaan kepada jasa beliau semasa beliau mencurahkan khidmat baktinya kepada perkhidmatan perakaunan. Ziarah kasih juga turut mendapat persetujuan beliau bagi menjadi Ahli Kehormat yang merupakan keahlian khas yang diberikan kepada mantan Pengurusan Tertinggi, JANM.

12. **Retreat Majlis PSA Tahun 2022**

PSA telah mengadakan retreat Pra AGM untuk Ahli Majlis PSA pada 25 hingga 27 Ogos 2022 bertempat di Redang Beach Resort, Kuala Terengganu bagi membincangkan agenda dan persediaan Mesyuarat Agung Tahunan PSA kali ke-33 yang dijadualkan diadakan pada 6 Oktober 2022. Selain itu, retreat juga adalah bertujuan menjalankan Mesyuarat Ahli Majlis PSA serta membentangkan status pencapaian oleh aktiviti setiap biro dan zon.

13. **Pertandingan Bowling PSA Zon Timur**

PSA Zon Timur telah mengadakan pertandingan bowling bersama Akauntan yang bertugas di Negeri Pahang termasuk pasangan masing-masing pada 24 September 2022 (Sabtu) jam 8.30 malam bertempat di Megalanes Bowling, Berjaya Megamall Kuantan dengan tujuan utama untuk mengeratkan ikatan silaturrahim sesama akauntan yang ada termasuk ahli keluarga yang lain. Untuk makluman, sesi ini melibatkan Akauntan lantikan JANM di Negeri Pahang yang merupakan ahli aktif PSA. Aktiviti seperti ini sememangnya memberi impak pada psikologi pegawai yang mana setelah penat bekerja semasa waktu pejabat, kami boleh merehatkan minda. Dalam pada itu,semangat berpasukan juga boleh dipupuk dan perasaan minat pada sukan bowling boleh disemai.

14. **Kursus Asas Perakaunan "Jom Sedia Penyata Kewangan"**

Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (Zon Tengah) telah menganjurkan Kursus Asas Perakaunan "Jom Sedia Penyata Kewangan" bertempat di Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Selangor pada 29 September 2022 (Khamis). Kursus ini melibatkan seramai 30 orang peserta secara bersemuka dan 34 orang peserta secara atas talian. Peserta kursus ini terdiri dari kalangan ahli PSA dan bukan ahli PSA yang merupakan pegawai dari JANM Negeri Selangor, JANM Negeri Perak, akauntan dari Bendahari Negeri Selangor, Akauntan di PTJ Negeri Selangor dan juga beberapa Ahli Majlis PSA yang turut serta di atas talian. Penganjuran kursus ini adalah sebahagian daripada program CSR dimana akauntan yang mempunyai kepakaran serta pengalaman, memberi sumbangan

kepada masyarakat dengan berkongsi ilmu berkaitan bidang perakaunan selari dengan profesion sebagai ahli Persatuan Akauntan Sektor Awam.

15. **Memorandum Persefahaman PSA Bersama Rakan Strategik Bank Islam**

Pada 3 Oktober 2022 berlangsungnya majlis menandatangani Memorandum Persefahaman Bank Islam Malaysia Berhad dan Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA) di Le Meridien Putrajaya. Melalui kerjasama strategik tersebut, PSA serta Bank Islam akan berkolaborasi dalam menjalankan aktiviti-aktiviti PSA yang memberi manfaat kepada ahli PSA dan juga pelanggan Bank Islam.

16. **Mesyuarat Agung Tahunan Ke-33 Tahun 2022 Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia**

PSA telah mengadakan pada 6 Oktober 2022 Mesyuarat Agung Tahunan Ke-33 Tahun 2022 Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA) pada 6 Oktober 2022 bertempat di Dewan JANM serta secara Online. Mesyuarat telah dihadiri seramai 521 ahli mesyuarat. Sebanyak 7 usul (bukan Perlembagaan) telah dibincangkan. Mesyuarat juga telah menjalankan pengundian dan memilih Tn Hj Nasran bin Omar, Encik Mohd Maulud Bin Sukaimi dan Encik Hifzul Hafiz Bin Amran sebagai Ahli Majlis sesi baharu bagi menggantikan Ahli Majlis yang bersara wajib. PSA mengucapkan setinggi penghargaan kepada 3 orang Ahli Majlis yang bersara.

17. **Seminar Automasi Proses Robotik (RPA) 2022 Bersama Jabatan Akauntan Negara Malaysia**

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah menjalinkan kolaborasi bersama PSA Malaysia dengan menganjurkan Seminar Automasi Proses Robotik (RPA) pada 12 Oktober 2022 dengan menggunakan platform Airmeet. Seminar ini terbuka kepada semua warga JANM di seluruh negara samada secara bersemuka dan secara maya.

Program ini diadakan sebagai platform perkongsian maklumat berkenaan pelaksanaan RPA yang telah dilaksanakan di beberapa jabatan dan syarikat. Ini adalah kesinambungan daripada kajian dan cadangan di bawah Pelan Strategik ICT JANM mengenai ketersediaan JANM yang semestinya perlu responsif terhadap inovasi terkini untuk meraih semua faedah supaya sistem perakaunan JANM akan sentiasa kekal berdaya tahan dan relevan.

18. **Kongres Akauntan Sedunia (*World Congress Of Accountants*) 2022**

PSA Malaysia telah menyelaraskan penyertaan akauntan sektor awam ke Kongres Akauntan Sedunia (*World Congress of Accountants*) atau WCOA 2022 pada 18 hingga 21 November 2022 di Mumbai, India. Seramai 11 akauntan sektor awam telah menyertai delegasi PSA Malaysia ke WCOA 2023 yang terdiri daripada pelbagai Kementerian, Bendahari Negeri, Majlis Agama Islam Negeri dan Badan

Berkanun. Edisi WCOA ke-21 ini telah mendapat sambutan penyertaan lebih 10,000 delegasi dari 120 negara serata dunia. Kongres ini memberi peluang kepada delegasi untuk mendengar pembentangan dari ramai panel antarabangsa dalam membahaskan isu dan trend semasa dalam profesion perakaunan serta memberi peluang untuk bertukar pandangan dengan profesional perakaunan dari seluruh dunia.

**19. Program Derma Darah Zon Sabah Siri kedua 2022**

Program Derma Darah anjuran Persatuan Akauntan Sektor Awam (PSA) Malaysia Zon Sabah telah diadakan dengan kerjasama Kelab Kebajikan dan Sukan (KKDS) Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Sabah, Unit Transfusi Darah Hospital Queen Elizabeth (HQE) 2, Pertubuhan Komuniti Penderma Darah Malaysia, Sabah Thalassaemia Society dan Pertubuhan Komuniti Penderma Darah Malaysia pada 2 Disember 2022.

Semua penderma darah diberikan goodies, cendermata, hidangan ringan serta makan tengah hari sebagai penghargaan atas sumbangan yang diberikan. Program tersebut telah mendapat sambutan menggalakkan dan telah berjaya mengumpulkan 60 beg darah dimana penderma terdiri daripada warga JANM sendiri, pekerja swasta serta pegawai – pegawai dari pelbagai Jabatan.

**20. Ziarah Kasih Mantan ANM**

Kunjungan ziarah kasih YBhg Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman pada 15 Disember 2022 ke teratak beliau beralamat di Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan. Objektif utama kunjungan ini ialah untuk mengeratkan ukhwah disamping mengikuti perkembangan terkini YBhg Datuk. PSA juga berkongsi pendapat dan nasihat YBhg Datuk dalam pengurusan serta pelaksanaan aktiviti dan hala tuju persatuan. Ziarah kasih ini disertai oleh Presiden, Ketua Biro Kebajikan dan Sosial dan Wakil Zon Tengah.

**21. Pemantapan Saluran Komunikasi Dan Penjenamaan PSA**

PSA telah meningkatkan usaha dan komited dalam mempromosikan PSA kepada Akauntan sektor awam serta menyalurkan maklumat persatuan dengan imej yang lebih mampan, terkini serta professional. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah langganan platform Airmeet, penerbitan poster siaran dan multimedia, Facebook PSA, Youtube PSA Instagram PSA, pembukaan booth PSA, penjualan Merchandise PSA serta yang terkini adalah Telegram PSA.

**22. Taklimat Kepada Akauntan Yang Baharu Lapor Diri Di Jabatan Akauntan Negara Malaysia**

PSA bertanggungjawab untuk memberi taklimat mengenai PSA Malaysia kepada akauntan-akauntan yang baru melapor diri di Jabatan Akauntan Negara Malaysia semasa sesi induksi pegawai.

Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia

*The Association of Public Sector Accountants, Malaysia*

# PENYATA KEWANGAN BAGI TEMPOH BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

# LAPORAN EKSEKUTIF

Bagi tempoh berakhir 31 Disember 2022, Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA) telah mencatatkan peningkatan lebihan yang signifikan sebanyak RM 216,306.45 atau 142% iaitu RM368,338.85 berbanding RM152,032.40 pada tahun 2021. Secara keseluruhannya, jumlah pendapatan PSA meningkat dengan ketara daripada RM341,076.07 pada tahun 2021 kepada RM1,505,942.50 pada tahun 2022, mencatatkan pertumbuhan sebanyak 342%.

Peningkatan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh aktiviti dan program berbayar pasca-COVID-19 yang dianjurkan oleh PSA seperti Persidangan Akauntan Sektor Awam Malaysia (NAPSAC), Persidangan CIPFA Public Finance Live di Liverpool, United Kingdom, World Congress of Accountant (WCOA) di Mumbai, India, MPSAS Insights dan pertandingan tenpin boling. Ini menunjukkan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh PSA telah mendapat sambutan yang memberangsangkan dari semua pihak yang terdiri daripada akauntan Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun serta Pihak Berkuasa Tempatan daripada seluruh Malaysia.

Pada 31 Disember 2022, nilai aset keseluruhan PSA telah meningkat sebanyak RM366,688.85 iaitu daripada RM1,898,582.01 pada tahun 2021 kepada RM2,265,270.86 pada tahun 2022. Jumlah pelaburan tetap PSA telah meningkat daripada RM1,650,000.00 kepada RM1,900,000.00 dan peningkatan ini membolehkan PSA menikmati kadar pulangan yang lebih kompetitif daripada bank. Pada tahun 2022, PSA turut mencatatkan keuntungan pelaburan tetap sebanyak RM47,177.48 berbanding RM44,774.40 pada tahun 2021.

Walau bagaimanapun, prestasi kutipan yuran keahlian PSA masih kurang memberangsangkan di mana yuran belum terima adalah berjumlah RM144,177.00 pada tahun 2022 berbanding RM128,875.00 pada tahun 2021. Pada tahun 2021, PSA telah membuat pelupusan yuran belum terima sebanyak RM53,225.00 yang melibatkan tunggakan yuran ahli yang telah bersara, berhenti dan meninggal dunia. Sebagai inisiatif untuk meningkatkan prestasi kutipan yuran keahlian, PSA telah pun menyediakan capaian semakan baki yuran di Portal PSA bagi memudahkan ahli menyemak baki yuran dan membuat pembayaran segera.

Aliran tunai PSA berada dalam kedudukan yang kukuh dan berupaya menyelesaikan komitmen penting seperti bayaran perbelanjaan program yang melibatkan jumlah yang agak besar. Pada tahun 2022 tiada liabiliti dicatatkan oleh PSA dan semua komitmen PSA yang melibatkan penganjuran program telah dapat diselesaikan dalam tahun kewangan 2022.

Selaras dengan peningkatan aktiviti dan program yang dianjurkan oleh PSA, perbelanjaan operasi PSA turut meningkat dengan signifikan daripada RM132,161.54 pada 2021 kepada RM1,135,100.65 pada 2022, melebihi enam kali ganda dalam tempoh setahun. Perbelanjaan operasi merangkumi bayaran yuran program, kos penginapan, sewaan premis, kos makan dan minum, cenderamata peserta, belanja perjalanan dan lain-lain. Secara keseluruhan, peningkatan dalam perbelanjaan operasi PSA adalah selari dengan peningkatan jumlah pendapatan PSA dalam tahun 2022.

Jumlah rizab terkumpul PSA menokok sebanyak 19% pada tahun 2022 berbanding tahun 2021 dengan jumlah RM2,265,270.86 pada tahun 2022 berbanding RM1,896,932.01 pada tahun 2021. Peningkatan ini menandakan kedudukan kewangan PSA yang stabil dan mapan serta berupaya memberi nilai tambah kepada ahli pada masa hadapan.

# SOROTAN 2022

## 1. KEDUDUKAN KEWANGAN

| | JUMLAH ASET | PELABURAN TETAP | KEDUDUKAN TUNAI | RIZAB TERKUMPUL | LIABILITI |
|---|---|---|---|---|---|
| % | 19% | 15% | 100% | 19% | 100% |
| 2022 | 2,263,780.86 | 1,900,000.00 | 194,240.91 | 2,263,780.86 | 0.00 |
| 2021 | 1,898,582.01 | 1,650,000.00 | 96,972.90 | 341,076.07 | 1,650.00 |

## 2. PRESTASI KEWANGAN

| | PENDAPATAN | PERBELANJAAN | LEBIHAN |
|---|---|---|---|
| % | 342% | 759% | 142% |
| 2022 | 1,504,452.50 | 1,137,603.65 | 366,848.85 |
| 2021 | 341,076.07 | 189,043.67 | 152,032.40 |

## 3. ALIRAN TUNAI

| | OPERASI | PELABURAN | JANAAN TUNAI |
|---|---|---|---|
| % | 104% | 87% | 154% |
| 2022 | 306,829.37 | 208,561.36 | 98,268.01 |
| 2021 | 150,330.09 | 111,631.59 | 38,698.50 |

## LAPORAN WAKIL PENGURUSAN

Kami, **Nasran bin Omar** dan **Naharudin bin Saadan**, yang masing-masing merupakan Presiden dan Bendahari Kehormat, **Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA)**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Kami, penyata kewangan yang disertakan telah dilaporkan dengan benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan **PSA** pada **31 Disember 2022**.

Bagi pihak pengurusan;

........................................

**NASRAN BIN OMAR, C.A.(M), CPFA(UK)**

Presiden

........................................

**NAHARUDIN BIN SAADAN, C.A.(M), ACMA, CGMA**

Bendahari Kehormat

## LAPORAN JURUAUDIT

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia bagi tahun kewangan berakhir pada **31 Disember 2022** bersama-sama baucar urusniaga, penyata bank, jurnal urusniaga dan rekod-rekod perakaunan yang berkaitan. Satu ringkasan dasar-dasar perakaunan yang penting dan nota-nota kepada penyata kewangan seperti yang dibentangkan pada muka surat **06** hingga muka surat **14**.

Pada pendapat saya Penyata Kewangan yang terdiri daripada Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Kedudukan Rizab Terkumpul, Penyata Aliran Tunai dan Nota Kepada Akaun memberikan gambaran sebenar dan saksama terhadap kedudukan kewangan persatuan bagi tahun berakhir **31 Disember 2022** dan rekod perakaunan telah diselenggara dengan teratur dan dikemaskini.

**MOHD SHAHRUL REZAL BIN MOHD ALI, C.A.(M)**
Juruaudit

# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2022

| | Nota | 2022<br>RM | 2021<br>RM |
|---|---|---|---|
| **Aset** | | | |
| **Aset semasa** | | | |
| Pelaburan tetap | 2 | 1,900,000.00 | 1,650,000.00 |
| Yuran belum terima | 3 | 144,267.00 | 128,875.00 |
| Keuntungan pelaburan belum terima | 4a | 25,362.95 | 19,624.11 |
| Inventori | 5 | 0.00 | 960.00 |
| Pendahuluan dan lain-lain belum terima | 6 | 1,400.00 | 2,150.00 |
| Tunai dan baki dibank | | 194,240.91 | 96,972.90 |
| **Jumlah aset** | | **2,265,270.86** | **1,898,582.01** |
| **Tolak:** | | | |
| **Liabiliti semasa** | | | |
| Belanja terakru | 7 | 0.00 | 1,650.00 |
| **Jumlah aset bersih** | | **2,265,270.86** | **1,896,932.01** |
| **Dibiayai oleh** | | | |
| Rizab dan ekuiti persatuan | | 1,896,932.01 | 1,744,899.61 |
| Lebihan semasa | | 368,338.85 | 152,032.40 |
| **Jumlah rizab terkumpul** | | **2,265,270.86** | **1,896,932.01** |

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN
bagi tempoh berakhir pada 31 Disember 2022

| | Nota | 2022<br>RM | 2021<br>RM |
|---|---|---|---|
| Yuran keahlian dan pendaftaran ahli | 8 | 30,773.00 | 27,550.00 |
| Pendapatan program - yuran peserta | 9 | 1,320,755.81 | 231,507.40 |
| Pendapatan program - bayaran perkhidmatan | 10 | 97,050.00 | 26,000.00 |
| **Pendapatan operasi** | | **1,448,578.81** | **285,057.40** |
| Keuntungan pelaburan | 4b | 47,177.48 | 44,774.40 |
| Hibah simpanan | | 242.56 | 101.67 |
| Lain-lain pendapatan | 11 | 9,943.65 | 11,142.60 |
| **Pendapatan lain** | | **57,273.69** | **56,018.67** |
| **Jumlah pendapatan** | | **1,505,942.50** | **341,076.07** |
| **Tolak :** | | | |
| Makanan dan minuman | 12 | 95,205.62 | 1,313.00 |
| Sewaan premis program | 13 | 291,497.00 | 0.00 |
| Elaun penceramah | 14 | 35,400.00 | 15,350.00 |
| Belanja perjalanan | 15 | 131,515.89 | 12,600.00 |
| Cenderamata program | 16 | 98,676.80 | 10,550.00 |
| Sumbangan dan pemberian | 17 | 15,900.00 | 32,943.20 |
| Kadar bayaran internet | | 138.00 | 0.00 |
| Sumbangan program zon | 18 | 27,016.40 | 4,504.45 |
| Belanja multimedia | 19 | 20,333.20 | 5,500.00 |
| Belanja elaun program | 20 | 27,990.00 | 17,900.00 |
| Belanja selenggara website | | 4,994.21 | 738.78 |
| Bayaran langganan Airmeet | | 35,555.46 | 19,295.01 |
| Percetakan, pos dan alatulis | 21 | 11,516.65 | 613.10 |
| Caj ePerolehan | | 3,313.68 | 0.00 |
| Belanja persembahan | 22 | 26,679.59 | 0.00 |
| Belanja penginapan | 23 | 113,826.64 | 10,854.00 |
| Bayaran yuran program | 24 | 187,161.51 | 0.00 |
| Belanja cetakan baju program | 25 | 8,380.00 | 0.00 |
| **Perbelanjaan operasi** | | **1,135,100.65** | **132,161.54** |
| Hapuskira | 26 | 960.00 | 53,225.00 |
| Caj bank | | 243.00 | 34.50 |
| Lain-lain perbelanjaan | | 1,300.00 | 3,622.63 |
| **Perbelanjaan lain** | | **2,503.00** | **56,882.13** |
| **Jumlah perbelanjaan** | | **1,137,603.65** | 189,043.67 |
| **Lebihan tahun semasa** | | **368,338.85** | **152,032.40** |

## PENYATA PERUBAHAN RIZAB TERKUMPUL
bagi tempoh berakhir pada 31 Disember 2022

| | RM |
|---|---|
| Pada 01 Januari 2021 | **1,744,899.61** |
| Lebihan bagi tahun kewangan 2021 | **152,032.40** |
| Pada 31 Disember 2021 \| 01 Januari 2022 | **1,896,932.01** |
| Lebihan bagi tahun kewangan 2022 | **368,338.85** |
| Pada 31 Disember 2022 | **2,265,270.86** |

## PENYATA ALIRAN TUNAI
bagi tempoh berakhir pada 31 Disember 2022

| | Nota | 2022<br>RM | 2021<br>RM |
|---|---|---|---|
| **Aliran tunai dari aktiviti operasi** | | | |
| Terimaan pendaftaran dan yuran dari ahli PSA | | 15,471.00 | 14,710.00 |
| Terimaan dari program anjuran PSA | | 1,424,838.34 | 266,009.07 |
| Pembayaran ke atas program dan operasi PSA | | (1,133,479.97) | (130,388.98) |
| **Tunai dihasilkan daripada aktiviti operasi** | | **306,829.37** | **150,330.09** |
| **Aliran tunai dari aktiviti pelaburan** | | | |
| Pelaburan tetap | | (250,000.00) | (149,726.10) |
| Keuntungan pelaburan tetap | 4b | 41,438.64 | 38,094.51 |
| **Tunai dihasilkan daripada aktiviti pelaburan** | | **(208,561.36)** | **(111,631.59)** |
| Pertambahan \| (Pengurangan) Tunai | | 98,268.01 | 38,698.50 |
| Tunai dan setara tunai awal | | 96,972.90 | 58,274.40 |
| **Tunai dan setara tunai pada akhir tahun kewangan** | | **195,240.91** | **96,972.90** |
| **Analisis tunai dan setara tunai** | | | |
| Tunai ditangan | | 0.00 | 481.85 |
| Tunai dibank | | 194,240.91 | 96,491.05 |
| | | **194,240.91** | 96,972.90 |

# NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
pada 31 Disember 2022

1. **Dasar perakaunan**

   a. Persatuan Akauntan Sektor Awam (PSA) telah merekod transaksi akaun menurut kelaziman kos Sejarah.

   b. Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan berasaskan kepada asas akruan.

   c. Persatuan Akauntan Sektor Awam (PSA) telah membuat pengubahsuaian bentuk pembentangan laporan kewangan persatuan mulai tahun 2022 bagi membolehkan pendedahan maklumat yang lebih jelas dan menyeluruh

2. **Pelaburan tetap**

| | Nota | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|---|
| Pada awal tahun kewangan | | **1,650,000.00** | 1,500,273.90 |
| Pelaburan tahun semasa | | **600,000.00** | 750,000.00 |
| Keuntungan tersalah rekod | | **0.00** | (273.90) |
| Dicairkan tahun semasa | | **(350,000.00)** | (600,000.00) |
| | | **1,900,000.00** | 1,650,000.00 |

3. **Yuran tahunan belum terima**

| | Nota | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|---|
| Pada awal tahun kewangan | | **128,875.00** | 169,125.00 |
| Yuran tahunan semasa | 8 | **28,660.00** | 25,275.00 |
| Terimaan yuran tahun semasa | | **(13,268.00)** | (11,400.00) |
| Terimaan yuran tunggakan | | **0.00** | (900.00) |
| Hapuskira | 24 | **0.00** | (53,225.00) |
| | | **144,267.00** | 128,875.00 |

4. **4a. Keuntungan pelaburan belum terima**

| | Nota | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|---|
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad | | **18,912.95** | 17,269.52 |
| Affin Islamic Berhad | | **6,450.00** | 2,354.59 |
| | | **25,362.95** | 19,624.11 |

* PSA memperoleh kadar keuntungan antara 1.65% hingga 4.60% mengikut tempoh pelaburan dibuat

**4b. Keuntungan pelaburan tetap**

| | Nota | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|---|
| Terimaan tahun semasa | | **41,438.64** | 38,094.51 |
| Keuntungan pelaburan belum terima | | **25,362.95** | 19,624.11 |
| Tolak: Keuntungan pelaburan awal tahun kewangan | | **(19,624.11)** | (12,944.22) |
| | | **47,177.48** | 44,774.40 |

## NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
pada 31 Disember 2022

### 5. Inventori

| | Nota | 2022<br>RM | 2021<br>RM |
|---|---|---|---|
| Baki inventori awal tempoh kewangan | | **960.00** | 960.00 |
| Hapuskira(*) | 24 | **(960.00)** | 0.00 |
| | | **0.00** | 960.00 |

* PSA telah melupuskan pegangan stok kain yang telah usang

### 6. Pendahuluan dan lain-lain belum terima

| | Nota | 2022<br>RM | 2021<br>RM |
|---|---|---|---|
| Yuran penyertaan NAPSAC | | **1,400.00** | 0.00 |
| Yuran MPSAS *Insights Online* | | **0.00** | 1,550.00 |
| Tuntutan balik bayaran am | | **0.00** | 600.00 |
| | | **1,400.00** | 2,150.00 |

* PSA telah menerima balik bayaran pendahuluan pelbagai pada tahun semasa.

### 7. Belanja terakru

| | Nota | 2022<br>RM | 2021<br>RM |
|---|---|---|---|
| Pembatalan bayaran oleh bank | | **0.00** | 1,100.00 |
| Program MPSAS *Insights Online* | | **0.00** | 500.00 |
| Penyertaan ahli tidak diperaku | | **0.00** | 50.00 |
| | | **0.00** | 1,650.00 |

* PSA telah membuat bayaran balik perbelanjaan terakru pada tahun semasa.

### 8. Yuran keahlian dan pendaftaran ahli

| | Nota | 2022<br>RM | 2021<br>RM |
|---|---|---|---|
| Yuran tahunan ahli | 3 | **28,660.00** | 25,275.00 |
| Pendaftaran ahli | | **2,113.00** | 2,275.00 |
| | | **30,773.00** | 27,550.00 |

### 9. Pendapatan program - yuran peserta

| | Nota | 2022<br>RM | 2021<br>RM |
|---|---|---|---|
| Persidangan CIPFA | | **504,335.80** | 0.00 |
| Persidangan NAPSAC | | **738,620.00** | 0.00 |
| Persidangan WCOA | | **76,000.00** | 0.00 |
| Program *outdoor - bowling* | | **1,800.01** | 0.00 |
| Program MPSAS *Insights Online* | | **0.00** | 230,342.40 |
| Program *outdoor - virtual run* | | **0.00** | 1,165.00 |
| | | **1,320,755.81** | 231,507.40 |

# NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
pada 31 Disember 2022

**10. Pendapatan program - bayaran perkhidmatan**

| | Nota | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|---|
| Persidangan NAPSAC | | **77,550.00** | 0.00 |
| Program *outdoor - bowling* | | **10,500.00** | 0.00 |
| Program MPSAS *Insights Online* | | **9,000.00** | 26,000.00 |
| | | **97,050.00** | 26,000.00 |

**11. Lain-lain pendapatan**

| | Nota | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|---|
| Jualan cenderamata PSA | | **765.00** | 1,250.00 |
| Hasil sewaan Airmeet | | **8,188.65** | 8,700.00 |
| Lain-lain pendapatan | | **990.00** | 1,192.60 |
| | | **9,943.65** | 11,142.60 |

**12. Makanan dan minuman**

| | Nota | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|---|
| Persidangan CIPFA | | **43,575.80** | 0.00 |
| Program *retreat* PSA | | **20,168.00** | 0.00 |
| Persidangan WCOA | | **11,661.68** | 0.00 |
| Majlis apresiasi PSA | | **7,950.00** | 0.00 |
| Mesyuarat agung tahunan | | **5,127.10** | 0.00 |
| Belanja operasi dan pentadbiran | | **2,000.14** | 1,000.00 |
| Program MPSAS *Insights Online* | | **1,728.00** | 313.00 |
| Program keterampilan | | **1,500.00** | 0.00 |
| Program *outdoor - bowling* | | **1,494.90** | 0.00 |
| | | **95,205.62** | 1,313.00 |

**13. Sewaan premis program**

| | Nota | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|---|
| Persidangan NAPSAC | | **286,827.00** | 0.00 |
| Program *outdoor - bowling* | | **4,670.00** | 0.00 |
| | | **291,497.00** | 0.00 |

**14. Elaun penceramah**

| | Nota | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|---|
| Persidangan NAPSAC | | **27,100.00** | 0.00 |
| Program MPSAS *Insights Online* | | **5,000.00** | 15,350.00 |
| Program keterampilan | | **3,300.00** | 0.00 |
| | | **35,400.00** | 15,350.00 |

# NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
pada 31 Disember 2022

## 15. Belanja perjalanan

| | Nota | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|---|
| Persidangan CIPFA | | **76,253.73** | 0.00 |
| Persidangan WCOA | | **44,193.36** | 0.00 |
| Program retreat PSA | | **7,800.00** | 12,600.00 |
| Mesyuarat agung tahunan | | **2,468.27** | 0.00 |
| Program Zon Sarawak | | **425.10** | 0.00 |
| Program keterampilan | | **375.43** | 0.00 |
| | | **131,515.89** | 12,600.00 |

## 16. Cenderamata program

| | Nota | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|---|
| Persidangan NAPSAC | | **30,892.40** | 0.00 |
| Pemberian cenderamata dan hadiah | | **27,900.00** | 1,950.00 |
| Program *outdoor - bowling* | | **23,766.00** | 0.00 |
| Mesyuarat agung tahunan | | **10,500.00** | 0.00 |
| Persidangan CIPFA | | **2,750.00** | 0.00 |
| Program tanggungjawab korporat | | **2,000.00** | 1,900.00 |
| Majlis apresiasi PSA | | **868.40** | 0.00 |
| Belanja operasi dan pentadbiran | | **0.00** | 600.00 |
| Program MPSAS *Insights Online* | | **0.00** | 500.00 |
| Program *outdoor-virtual run* | | **0.00** | 5,600.00 |
| | | **98,676.80** | 10,550.00 |

## 17. Sumbangan dan pemberian

| | Nota | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|---|
| Program tanggungjawab korporat | | **15,000.00** | 11,000.00 |
| Belanja operasi dan pentadbiran | | **900.00** | 0.00 |
| Mesyuarat agung tahunan | | **0.00** | 19,943.20 |
| Sumbangan persaraan ahli majlis | | **0.00** | 2,000.00 |
| | | **15,900.00** | 32,943.20 |

## 18. Sumbangan program zon

| | Nota | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|---|
| Program Zon Sarawak | | **9,496.00** | 1,000.00 |
| Program Zon Timur | | **8,095.00** | 1,000.00 |
| Program Zon Sabah | | **8,081.40** | 1,000.00 |
| Program Zon Tengah | | **1,344.00** | 0.00 |
| Program Zon Utara | | **0.00** | 1,504.45 |
| | | **27,016.40** | 4,504.45 |

## NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
pada 31 Disember 2022

### 19. Belanja multimedia

| | Nota | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|---|
| Persidangan NAPSAC | | **17,500.00** | 0.00 |
| Program MPSAS Insights Online | | **2,833.20** | 5,500.00 |
| | | **20,333.20** | 5,500.00 |

### 20. Belanja elaun program

| | Nota | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|---|
| Persidangan NAPSAC | | **11,900.00** | 0.00 |
| Persidangan CIPFA | | **7,440.00** | 0.00 |
| Program MPSAS *Insights Online* | | **5,450.00** | 15,100.00 |
| Belanja operasi dan pentadbiran | | **3,200.00** | 2,800.00 |
| | | **27,990.00** | 17,900.00 |

### 21. Percetakan, pos dan alatulis

| | Nota | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|---|
| Persidangan NAPSAC | | **9,352.25** | 0.00 |
| Persidangan CIPFA | | **1,435.00** | 0.00 |
| Belanja operasi dan pentadbiran | | **451.40** | 578.95 |
| Persidangan WCOA | | **278.00** | 0.00 |
| Program MPSAS *Insights Online* | | **0.00** | 34.15 |
| | | **11,516.65** | 613.10 |

### 22. Belanja persembahan

| | Nota | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|---|
| Persidangan NAPSAC | | **26,679.59** | 0.00 |
| | | **26,679.59** | 0.00 |

### 23. Belanja penginapan

| | Nota | 2022 RM | 2021 RM |
|---|---|---|---|
| Persidangan CIPFA | | **93,585.64** | 0.00 |
| Persidangan WCOA | | **20,241.00** | 0.00 |
| Program retreat PSA | | **0.00** | 10,854.00 |
| | | **113,826.64** | 10,854.00 |

# NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN
pada 31 Disember 2022

**24. Bayaran yuran program**

| | Nota | 2022<br>RM | 2021<br>RM |
|---|---|---|---|
| Persidangan CIPFA | | **159,845.10** | 0.00 |
| Persidangan WCOA | | **27,316.41** | 0.00 |
| | | **187,161.51** | 0.00 |

**25. Belanja cetakan baju program**

| | Nota | 2022<br>RM | 2021<br>RM |
|---|---|---|---|
| Program *outdoor - bowling* | | **8,380.00** | 0.00 |
| | | **8,380.00** | 0.00 |

**26. Hapuskira**

| | Nota | 2022<br>RM | 2021<br>RM |
|---|---|---|---|
| Inventori | 5 | **960.00** | 0.00 |
| Yuran ahli belum terima | 3 | **0.00** | 53,225.00 |
| | | **960.00** | 53,225.00 |

# LAPORAN TABUNG PELAJARAN PSA

Pentadbir Tabung Pelajaran PSA yang telah dibuat lanjutan pelantikan oleh Majlis PSA sehingga 31 Disember 2024 iaitu seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Pengerusi | : Tuan Hj Nasran bin Omar |
| Timbalan Pengerusi | : Puan Faziyatun binti Mohamed Yahya |
| Setiausaha | : Puan Noraida binti Alias |
| Bendahari | : Encik Fazli bin Mohamad Khairuddi |

Bagi tujuan urusan penutupan dan pembubaran Tabung Pelajaran PSA, pelanjutan jawatan berdasarkan tempoh yang diberikan kepada Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari sahaja. Tabung PSA mulai 1 Oktober 1985 telah mendapat pengecualian Sub-Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan kerana menerima sumbangan dan menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan dan kebajikan ahli PSA. Namun demikian pada 15 Mac 2018, pengecualian telah ditarik balik kerana Tabung tidak menjalankan aktiviti termaktub di dalam Undang-undang kecil Tabung.

# SENARAI PENCALONAN SEBAGAI AHLI MAJLIS

.

| BIL | NAMA AHLI | NOMBOR AHLI PSA |
|---|---|---|
| 1 | MOHD NAZI BIN MAT YUSOFF | 519 |
| 2. | NORHAYATI BINTI MOHD TAHA | 721 |
| 3. | MOHD SHAHRUL REZAL BIN MOHD ALI | 555 |
| 4. | MAHFUZA BINTI MASRI | 657 |
| 5. | NOORLIDA BINTI MOHD KHALID | 392 |
| 6. | SUHAILI BINTI HUSSIN | 867 |
| 7. | NOORAZAH BINTI ABD AZIZ | 708 |
| 8. | MOHD FAKHRUL BIN ABDUL RAMAN | 575 |
| 9. | AYUB BIN HAJI ZAIDIN | 283 |
| 10. | ROSDI BIN ABU | 322 |
| 11. | SHABIBAH BINTI BACHOK | 1552 |
| 12. | NUR IZYAN BINTI MANAF | 1198 |
| 13. | RUHEILA AFZAN BINTI MUSA | 1341 |
| 14. | MUHAMAD AIMAN BIN TASLIM | 1184 |
| 15. | ALIFF HAIKAL BIN KAMARUDDIN | 1172 |
| 16. | SYALINNA MAJID | 415 |